

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah kewajaran dan perkembangan cadangan Kementerian untuk **memanjangkan tempoh perkhidmatan Ahli Majlis di dalam Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** agar ianya selari dengan tempoh perkhidmatan ADUN dan ahli Parlimen.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Seksyen 10(3) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] telah menyatakan tempoh jawatan bagi setiap seorang Ahli Majlis tidak boleh melebihi 3 tahun. Buat masa ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang mengkaji kewajaran tempoh perkhidmatan Ahli Majlis agar selari dengan tempoh perkhidmatan ADUN dan Ahli Parlimen bagi mewujudkan kesinambungan urusan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dasar dan program yang dilaksanakan oleh Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sekian, terima kasih.